

04 OCT 1996

PM Pengerusi Mesyuarat MT

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat berkata mesyuarat itu dijangka memberi tumpuan kepada persiapan terakhir menjelang Persidangan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 9 Okt ini dan Perhimpunan Agung Umno dari 10 hingga 12 Okt.

MT juga akan meneliti draf usul-usul ucapan terima kasih kepada ucapan dasar presiden, pendidikan dan agama yang akan dibentangkan pada perhimpunan itu.

Selain itu, MT juga dijangka dimaklumkan mengenai hasil siasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Disiplin Umno mengenai politik wang, salahguna kuasa dan melanggar larangan berkempen menjelang pemilihan parti.

-- BERNAMA

AH AHH